

**TEKS UCAPAN  
AMANAT TAHUN BAHARU 2025  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR)**

YBrs. Prof. Dr. Haji. Mohd Sazili Shahibi  
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Tarikh : 27 Januari 2025 (Isnin)  
Tempat : Dewan Platinum, Kolej Melati  
Masa : 3.00 petang

\*\*\*\*\*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum w.b.t,  
Salam Sejahtera, Salam UiTM Di Hatiku dan Salam UTAMA.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana izin dan limpah rahmat-Nya, kita dikurniakan nikmat kesihatan dan kesempatan untuk hadir bersama-sama dalam **Amanat Tahun Baharu 2025 TNC HEP**.
2. Tahun 2024 telah pun berlalu, tahun 2025 mengambil tempat. Masih belum terlambat untuk saya mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2025** kepada semua khususnya keluarga besar HEP, samada yang berada di UiTM Shah Alam ataupun kampus-kampus cawangan.
3. ***Kullu aa'min wa antum bikhair.*** Semoga Allah memberkahi segala usaha kita semua sepanjang tahun dan setiap detik yang berlalu membawa kita lebih dekat kepada **impian dan harapan** yang bersematkan tekad serta keazaman.
4. Setiap permulaan ada pengakhiran. Tahun 2024 yang telah berlalu pergi telah meninggalkan banyak **memori dan pencapaian** yang menjadi sebahagian coretan kita bersama.

5. Ada kisah duka dan gembira. Dalam keasyikan kita memenuhi tanggungjawab dan tugas kepada universiti, marilah kita **mengimbu kembali detik 2024**.
6. Perjalanan yang dilakar memahat kenangan bilamana kita menerima berita **pemergian 36 orang pelajar dan 37 staf dan juga sahabat kerja** yang telah kembali menghadap Maha Pencipta.
7. Nescaya berita duka ini menjadi satu kehilangan kepada kita warga UiTM dan dukacita kepada ahli keluarga yang terlibat.
8. Untuk itu, marilah sama-sama kita menghadihkan Al-Fatihah kepada mereka semua yang telah pergi. **Al-fatihah..**

Warga HEP yang dikasihi sekalian,

9. Setiap kejayaan yang dicapai, seribu dugaan dan cabaran harus dihadapi. Pada tahun lepas, **kewangan menjadi aspek cabaran terbesar** dalam merencana agenda HEP untuk melaksana program pembangunan pelajar dan pengurusan operasi.
10. Hatta kesulitan dan kesusahan yang dihadapi, dengan **kerjasama erat dan penyelesaian kreatif**, kita semua dapat mengharunginya dengan tabah dan jaya. Malah, fungsi dan peranan HEP tetap terlaksana mengikut perancangan yang ditetapkan.
11. Ini dapat dibuktikan melalui pencapaian-pencapaian cemerlang **Petunjuk Prestasi (Performance Indicator) dicapai 100%**. Malah, **kejayaan-kejayaan yang dilakar** oleh mahasiswa UiTM merentas arena dan memuncak sehingga ke pentas dunia.
12. Semua kejayaan ini tidak akan dicapai dengan mudah tanpa sokongan dan bimbingan warga yang menjadi tunjang dibelakangnya. Bimbingan dan latihan yang telah diberikan sehingga mereka beroleh kejayaan membuktikan setiap **INSAN di HEP ini komited dan beramanah** dalam memikul tanggungjawab. Tahniah, tahniah keluarga besar HEP!

13. Pada amanat tahun ini, saya akan **mengulas serba sedikit intipati ucapan** amanat Tahun Baharu 2025 Naib Canselor UiTM yang lalu.
14. Ia akan yang diterjemahkan ke dalam bentuk **pengoperasian** dan menjadi amanah kepada kita semua warga HEP untuk memikulnya.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

15. Jabatan HEP mempunyai **385 orang** warga kerja di **28 Pusat Tanggungjawab (PTJ)** di Shah Alam, **20 orang Dekan/Timbangan Dekan HEP** di Fakulti dan **13 Pejabat Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar** di kampus cawangan.
16. Adalah menjadi satu cabaran besar kepada pengurusan kanan HEP bagi menggerakkan jentera sebesar ini untuk mencapai matlamat **Pelan Strategik HEP 2020-2025 (PPSHEP 2020-2025)**.
17. Walau bagaimanapun, atas semangat **Kerja Berpasukan** dalam keluarga besar HEP, kita berjaya melangkah melaksanakan tanggungjawab dan agenda besar HEP dengan jayanya.
18. **Semangat kerja berpasukan dan kebersamaan** yang telah terbina di HEP sekian lama, mesti diteruskan pada tahun ini kerana ungkapan yang sama telah diucapkan oleh YB Menteri KPT dalam amanat perhimpunan bulanan KPT.
19. Memetik kata-kata Naib Canselor "**kebersamaan bukan sekadar slogan**, tetapi ia adalah **roh** yang menggerakkan visi dan misi kita". Biarlah roh kebersamaan yang telah dibina ini terus kukuh difikiran dan jiwa-jiwa warga HEP buat selamanya.
20. Untuk makluman hadirin sekalian, Tahun 2025 ini adalah merupakan **fasa peralihan bagi Pelan Strategik UiTM 2030**.
21. Dalam amanat tahun baru 2025 Menteri Pendidikan Tinggi baru-baru ini, YB Menteri telah menyatakan **perancangan**

**keterhadapan perlu dijajarkan langsung** atau 'continually' kepada tahun yang berikutnya.

22. Ini memberikan maksud bahawa segala usaha dan perancangan yang telah dirangka selama ini akan diteruskan kesinambungannya bagi memastikan **kelangsungan inisiatif dan penghasilan berterusan**.
23. Jika tahun 2024 bertemakan '**Pengiktirafan Global**', makanya, tahun ini, UiTM akan membawa tema '**Universiti Terkemuka Dunia**' atau '**Globally Renowned University**' sejajar dengan konsep *continually*.
24. Dengan mengambil intipati dan hasrat yang ditetapkan KPT, perancangan UiTM ke depan telah dipetakan kepada **Fokus Utama** dengan **10 lonjakan dalam Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPTM 2025-2035)** untuk dicapai.
25. Tujuh (7) **Fokus Utama** yang dimaksudkan ialah:
  - (1)Penyediaan Bakat Terbaik Negara;
  - (2)Kewibawaan Akademia dan Warga Kampus;
  - (3)Pemindahan dan Perkongsian Ilmu;
  - (4)Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi;
  - (5)Governan dan Kepemimpinan;
  - (6)Kemampanan Kewangan IPT;
  - (7)Infrastruktur, Digital dan Kesejahteraan Kampus.
26. Mengambil intipati amanat Naib Canselor, melalui Fokus 1 (**Penyediaan Bakat Terbaik Negara**), program dan **modul-modul keusahawanan akan dimantapkan**. Karnival Keusahawanan yang pernah dilaksanakan telah menjadi contoh kejayaan bakat mahasiswa melalui kemahiran 'pitching'. Lantaran itu, **program dan kemahiran 'pitching'** di kalangan mahasiswa perlu diperbanyakkan.

27. Bagi memantapkan usaha ini, Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) perlu bersedia membantu usaha universiti dalam menggalas agenda ini melalui pembangunan modul yang berkesan. Begitu juga MASMED di Fakulti dan kampus cawangan.
28. Dalam pada itu, kita masih lagi belum mempunyai dokumen menerangkan dasar pembangunan pelajar dan keusahawanan yang mantap. **Dasar-dasar baru dan terkini perlu diwujudkan** dan didokumentasikan sebelum Jun 2025. Seiring dengan zaman, dasar-dasar baru yang berkaitan perlu dikemaskini seperti Dasar Keusahawanan Digital, Dasar Pembangunan Pelajar Terkedepan dan sebagainya.
29. Untuk itu, Pusat Pembangunan Pelajar akan mengkoordinasi bersama PTJ lain untuk mewujudkan dasar-dasar terkini sesuai dengan generasi mahasiswa sekarang.
30. Dalam Fokus Ke-2 (iaitu **Kewibawaan Akademia dan Warga Kampus**) akan diperkukuhkan dengan inisiatif pemerkasaan warga universiti dengan hasrat untuk memperlihatkan kompetensi profesional dan jati diri warganya.
31. Antaranya adalah dengan melengkapi kakitangan dengan **DNA UiTM melalui latihan khusus yang berstruktur** bagi membentuk watak serta tingkah laku supaya roh UiTM dihatiku dapat diterapkan kepada setiap warga (1 kali setahun).
32. Selain itu, dalam mempersiapkan warga pentadbir dengan fleksibiliti dalam laluan kerjaya, para pentadbir yang dikenalpasti akan dilibatkan dengan **program sangkutan industri**. Contohnya, projek pembelajaran dari *National University of Singapore*.
33. Bagi kedua-dua inisiatif ini, Bahagian Pentadbiran Strategik & Sumber Manusia, JHEP perlu bergerak merancang bersama-sama Jabatan Pendaftar bagi merealisasikannya.

Warga HEP yang dihormati sekalian,

34. Berhubung Fokus Ke-5 (**Governan dan Kepimpinan Universiti**), inisiatif program **Pengukuhan Integriti merentas jabatan akan diperkukuhkan.**
35. Setiap Jabatan dikehendaki melaksanakan **program pembudayaan integriti di PTJ masing-masing** dan dilaporkan ke dalam Laporan jawatankuasa Tatakelola Universiti.
36. Untuk ini, saya mohon kerjasama semua Ahli Mesyuarat Eksekutif duduk bersama merangka program-program dan inisiatif yang mendukung hasrat ini.
37. Manakala dalam konteks **pembangunan kepimpinan mahasiswa** pula, satu pendekatan baik diperlukan untuk melahirkan mahasiswa yang tidak hanya berilmu, sebaliknya juga **mempunyai empati dan martabat** yang menjadi penghubung antara generasi dan **mampu membangunkan karamah insaniah.**
38. Untuk itu, Jabatan Hal Ehwal Pelajar melalui Pusat Pembangunan Pelajar, Institut Kepimpinan Pelajar, Pengetua Kolej Kediaman, Akademi Kepolisan UiTM-PDRM dan Pusat Kokurikulum telah diberikan amanah untuk merangka **Program Pemantapan DNA UiTM.**
39. Selari dengan itu, kursus atau mata pelajaran umum perlu ditambahbaik agar selari dengan membawa **5 nilai MADANI** dalam membentuk mahasiswa yang cintakan agama, bangsa dan tanah air (ABATA). Untuk menyahut amanah ini, Pusat Kokurikulum perlu meneliti kursus-kursus yang perlu disuntikkan dengan nilai-nilai MADANI.

Hadirin sekalian,

40. Seperti semua sedia maklum, Tahun 2025 ini **sumber kewangan menjadi cabaran terbesar** universiti dan HEP dalam menggerakkan fungsi operasi. Dengan sumber kewangan yang terhad, tugas dan tanggungjawab terhadap masa perlu dimaksimakan, sumber manusia dioptimumkan.
41. Syukur alhamdulillah, pada tahun lepas melalui Bahagian Zakat, Waqaf dan Sedekah (ZAWAF), HEP telah menerima lebih

**2.9 juta ringgit bagi membiayai program SULUNG dan 700 ribu ringgit bagi bantuan gerobok rezeki, Dapur HEP dan Pitstop HEP.**

42. Melalui sumbangan sedekah dan potongan zakat, dana ZAWAF akan terus meningkat dan berupaya membantu meningkatkan jumlah agihan keperluan kepada penerima manfaat program SULUNG dan pengguna dapur HEP.
43. Bagi membantu meningkatkan penghasilan ZAWAF, saya menyeru dan berkempen untuk warga HEP sama-sama **mencarum dan meningkatkan jumlah potongan kepada Zakat UiTM**. Semoga sumbangan yang kita berikan akan berbalik semula kepada warga UiTM yang memerlukan dan rahmat Allah kepada kita semua.
44. Dalam Fokus ke-7 (**Infrastruktur, Digital dan Kesejahteraan Kampus**), penyediaan akses kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) dan kebergantungan kepada wifi di dalam universiti amatlah tinggi terutama di kolej-kolej kediaman. Peranan utama menyediakan infrastuktur berkenaan berada di bawah Jabatan Pembangunan dan Jabatan Digital.
45. Sungguhpun demikian, HEP selaku **end-user** perlu berhubung rapat dengan kedua-dua jabatan tersebut bagi memastikan **kemudahan wifi** berada ditahap paling memuaskan dan **fasiliti mesra OKU** terutama di fasiliti penginapan pelajar ditahap terbaik.
46. Pusat Residensi & Hospitaliti Pelajar dan wakil-wakilnya di kampus cawangan bersama Pengetua Kolej Kediaman perlu memastikan kedua-dua agenda ini dilaksanakan mengikut perancangan yang disasarkan dengan solusi kreatif.
47. Selain kemudahan infrastruktur, **kesejahteraan warga UiTM** khususnya **kesihatan warga HEP** menjadi keprihatinan saya. Selari dengan program '**KPT Sihat: 10,000 Langkah**', kempen berjalan **10 ribu Langkah Staf UiTM** harus disambut oleh kita semua.

48. Oleh itu, Pusat Kesihatan dan Pusat Sukan boleh bersama-sama mengembling usaha dan menggerak inisiatif untuk menjayakan projek ini.
49. Dalam pada itu, sebagai sebuah institusi pendidikan yang berfokus kepada kecemerlangan akademik dan penyelidikan, **program kesejahteraan emosi warga HEP** tidak pernah diabaikan.
50. Laporan kesihatan mental seperti yang dibentangkan Naib Canselor menunjukkan angka yang membimbangkan dengan faktor **kewangan** dan **beban kerja** menjadi antara penyumbang utama.
51. Bagi membantu kakitangan HEP yang memerlukan, Pusat Kerjaya dan Kaunseling telah menggerakkan pelbagai inisiatif sokongan kepada staf seperti **Counseling2u di dalam talian, ujian psikologi (depressioan, anxiety dan stress), perkhidmatan psikologi klinikal, bantuan psikologi** dan lain-lain.
52. Harus diingat, stigma khidmat Kaunseling untuk mereka yang bermasalah harus dikikis. Staf atau kakirangan yang **tidak bermasalah tetapi memerlukan tempat meluahkan rasa atau tekanan** juga boleh berjumpa dengan kaunselor.
53. Peranan kaunselor bukan sahaja membantu mereka yang memerlukan, tetapi juga menjadi seorang **pendengar yang baik**. Demikian itu, Pusat Kerjaya dan Kaunseling akan melaksanakan **Ujian Psikologi & Kaunseling bersama 60 % kakitangan** Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk tujuan pengekaln prestasi kerja yang tinggi.
54. Mendepani cabaran psikologi mendatang ini, Pusat Kerjaya dan Kaunseling disasarkan berupaya mewujudkan **database maklumat, soalan dan jawapan berkenaan perkhidmatan, topik psikologi & kaunseling** sebagai inisiatif awal ke arah **AI Counselling**.



Warga HEP yang dikasihi,

55. Dalam mendepani abad ke-21, aspirasi utama penubuhan UiTM adalah untuk **membentuk jati diri mahasiswa** yang kukuh dan berlandaskan cinta kepada agama, bangsa, dan tanah air.
56. Mereka bukan sahaja pewaris tetapi agen perubahan dalam masyarakat dan negara. Membentuk jati diri mahasiswa bukan sahaja bertunjangkan kecemerlangan akademik semata-mata, tetapi mesti mempunyai **Nilai Integriti, Keimanan dan Patriotik** tulen.
57. Untuk itu, HEP telah diamanahkan untuk memperkasa jati diri anak melayu islam melalui **pengintegrasian elemen keagamaan / kebudayaan, dan patriotisme** dalam ko-kurikulum serta aktiviti pelajar melalui pendekatan holistik. **Pendidikan moral dan etika (bumiputera bukan islam)**.
58. Bagi menggalas tanggungjawab ini, Pusat Pembangunan Pelajar, Institut Kepimpinan Pelajar, Pengetua Kolej Kediaman, Akademi Kepolisian UiTM-PDRM dan Pusat Kokurikulum perlu duduk bersama menghalusi perancangan aktiviti-aktiviti pelajar yang menjurus kepada hasrat tersebut.
59. Manakala, Pusat Kebudayaan juga boleh memainkan peranan yang sama melalui **Penganjuran dan Pengendalian Inisiatif Pemerksaan Seni Budaya** dalam **Nilai Jati diri Mahasiswa**. Inisiatif ini mesti digemblingkan dengan strategi yang tepat dan berkesan melalui **pembangunan keupayaan dan kualiti kakitangan**.

Hadirin sekalian,

60. Dalam Pelan Strategik UiTM2030, UiTM akan menumpukan kepada **proses atas talian dan hybrid** yang disokong dengan infrastruktur teknologi. Di bawah program ini, KPT melalui HEP telah diberikan peranan untuk mendokong aktiviti '**transaksi tanpa tunai**' di dalam kampus atau '**Cashless Campus**'.

61. Usaha mempromosikan *cashless campus* telah digerakkan sejak dua (2) tahun yang lepas melalui platform pelajar iaitu Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Semua warga khususnya warga HEP harus menyokong sistem pembayaran atas talian ini.
62. Walau bagaimana pun, rekod penggunaan **transaksi cashless dalam kampus tahun 2024 masih rendah**. Mengikut data, pencapaian UiTM Cawangan Terengganu lebih cemerlang berbanding UiTM Shah Alam.
63. Bagi merencanakan program **Cashless Campus 2025**, Unit Pengurusan Ruang Niaga dan MPP perlu merangka strategi berkesan untuk merealisasikan agenda ini.
64. Dalam pada itu, **aspek pembangunan, penggalakan, kecemerlangan, kemudahan, perhubungan dan perkhidmatan sukan** yang dimainkan oleh Pusat Sukan adalah menjadi satu tunjang penting di HEP.
65. Di bawah Strategic Action Plan (SAP) Tahun 2025, Pusat Sukan berperanan **memperkasakan program pembudayaan sukan** di kampus bagi memastikan warga UiTM sihat dari segi fizikal dan mental bagi meningkatkan '**Indeks Kegembiraan**' di kalangan warga UiTM.
66. Bagi mendukung **hasrat penjanaaan pendapatan** pula, Pusat Sukan telah dikenalpasti sebagai sebuah aset strategik kepada universiti. Bagi merealisasikan agenda ini, **transformasi kemudahan-kemudahan sukan** bagi tujuan janaan perlu direncanakan secara tersusun dan berfasa dalam situasi kewangan yang meruncing sekarang.
67. Kemudahan mahasiswa di dalam kampus terutama penginapan Pelajar telah menjadi perhatian utama Kementerian Pendidikan Tinggi. KPT sendiri telah menetapkan **Dasar Penginapan iaitu 70% dalam kampus, 30% luar kampus menjelang 2035**. Usaha ini akan dicapai melalui projek naik taraf Kolej Kenanga, Cendana dan Cemara.

68. **Penerokaan kerjasama dana swasta** melalui sumbangan korporat dan alumni mestilah digerakkan. Umpamanya kerjasama dengan syarat gergasi Celcom-Digi, XoX dan lain-lain
69. Untuk itu, Pusat Residensi & Hospitaliti Pelajar perlu bekerja rapat dengan Jabatan Pembangunan bagi memastikan dasar penginapan ini boleh dicapai.
70. Menyahut seruan **Digital Campus**, platform penyeragaman proses kerja kolej kediaman yang tangkas dan tuntas secara digital melalui **Projek i-Residensi** mesti dicapai mengikut perancangan UiTM2025.
71. **Pendigitalan bahan kursus kokurikulum** sebanyak 60% pada tahun ini mestilah dilaksanakan oleh pasukan dan Pengarah Pusat Kokurikulum.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

72. *Strategic Action Plan (SAP)* tahun 2025 telah pun dirangka, hanya tinggal untuk dilaksanakan. Kejayaan tidak dilakar dengan mudah, cabaran dan dugaan mendatang tidak diduga.
73. Adalah menjadi hasrat saya di tahun 2025 ini untuk **mengupayakan semangat kerja berpasukan yang optimum** dalam memacu kecemerlangan HEP di segenap jabatan di Shah Alam mahupun kampus cawangan.
74. Memperkasa inisiatif kebersamaan ini, Ketua-ketua PTJ HEP hendaklah **memperbanyakkan engagement** dengan staf di dalam jabatan (terutama staf sokongan) dengan menggalakkan komunikasi, menyelami permasalahan staf, dan memberi sokongan moral untuk meningkatkan **keseronokan bekerja**.
75. Ketua dan staf bawahan mestilah sama-sama dengan hati terbuka menyelesaikan perselisihan / permasalahan dalaman dan meletakkan **tanggungjawab sebagai keutamaan**.
76. Menjadikan Akademi Kepolisian UiTM-PDRM sebagai contoh, Pengarah AKP telah mengundang saya untuk beramah mesra dengan staf di jabatan. Lantaran itu, *engagement* ini boleh

**dipanjangkan ke kampus-kampus cawangan** untuk saya berjumpa dengan staf dan kakitangan di HEP.

77. Namun begitu, saya yakin dan percaya kejayaan dapat dicapai apabila setiap dari kita **menjalankan tugas dengan penuh amanah dan tanggungjawab**.
78. Pembudayaan cemerlang dalam perkhidmatan dan tugas hanya dapat dihasilkan melalui **konsentrasi** dalam pekerjaan. Apabila kita dapat menumpukan kepada tugas, nescaya kejayaan menunggu di penghujung.
79. Di tahun ini juga, saya mohon semua PTJ HEP untuk sama-sama menyumbang idea untuk memperkasakan **objektif, perkhidmatan dan kaedah pengukuran yang sesuai** untuk mengukur prestasi operasi yang dilaksanakan.
80. Ketua-ketua PTJ mesti mula **mengenalpasti dan menerapkan budaya inovasi** dalam proses kerja dan perkhidmatan. Inovasi berupaya meningkat produktiviti dengan menggunakan sumber yang optimum dan sekaligus mengurangkan kos operasi.
81. Bagi merancakkan inisiatif inovasi, melalui rekod kejayaan i-SIIDEC 2024, Pengarah Pusat Kokurikulum diberikan amanah sekali lagi pada tahun ini untuk menerajui **Seminar Inovasi dan Transformasi 2025**. Percambahan idea dan input dari wakil kesatuan pelajar seumpama MPP diharapkan membawa lebih banyak idea dan perspektif baru dalam inovasi dan transformasi.
82. Di kampus-kampus cawangan, saya mengharapkan rektor-rektor dapat mencadangkan **penambahbaikan dan idea-idea pembaharuan serta transformasi** untuk mahasiswa UiTM. HEP sangat memerlukan maklum balas dua hala supaya pelaksanaan agenda di bawah HEP mendapat dokongan padu dari pengurusan kampus cawangan.
83. Di kesempatan ini juga, saya berbesar hati untuk melancarkan satu inisiatif **media infotainment HEP di saluran youtube**. Tahniah diucapkan kepada Koordinator Pusat Kebudayaan dan Pengarah

Pusat Pembangunan Pelajar yang telah berjaya menggerakkan inisiatif ini sejak tahun 2024. Oleh itu, marilah kita semua *like* dan *subscribe youtube channel Media HEP: @HEPiMedia*.

84. Youtube @HEPi Media HEP kelak akan diperluaskan penggunaannya kepada semua jabatan dan mahasiswa untuk **merekodkan hasil-hasil kandungan media kreatif** seperti video pendek, rakaman program, podcast, dan sebagainya.
85. Sekian dahulu ucapan saya pada hari ini. Semoga Tahun 2024 menjadi pengajaran dan ukuran untuk kita melakar kejayaan di tahun 2025.
86. Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum w.b.t.*

Unit Korporat & Tugas-tugas Khas  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEP)  
27 Januari 2024

\*\*\*\*\*

Sumber :

1. Amanat Tahun Baru 2025 Menteri KPT
2. Amanat Tahun Baru 2025 Naib Canselor UiTM
3. Strategic Action Plan (SAP) JHEP Tahun 2025